

# Insurans Kargo Marin

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Kargo Marin. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.



**TOKIO MARINE**  
INSURANCE GROUP

## NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (lazari www.pidm.gov.my).

## 1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi anda daripada kehilangan atau kerosakan ke atas barang seperti yang termaktub dalam Peraturan Fasal Kargo (A), (B) atau (C) 1.1.82 dan 1.1.09. Anda boleh menginsuranskan barang anda dengan memilih salah satu daripada perlindungan di bawah dengan tertakluk kepada kelulusan pihak Syarikat.

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

### a) Peraturan Fasal Kargo (A) 1.1.82/1.1.09

Ia merupakan bentuk perlindungan yang paling luas. Polisi ini melindungi kesemua risiko kehilangan atau kerosakan ke atas barang di bawah Peraturan Fasal Kargo (A) kecuali perkara-perkara yang dinyatakan dalam fasal pengecualian.

### b) Peraturan Fasal Kargo (B) 1.1.82/1.1.09

Polisi ini melindungi kehilangan atau kerosakan ke atas barang yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perkara-perkara yang dinyatakan dalam Peraturan Fasal Kargo (B):

- Kebakaran atau letupan
- Kapal terkandas, tersadai, tenggelam atau terbalik
- Kenderaan barang dari terbalik atau terbabas.
- Kapal atau kenderaan barang terlanggar atau bersentuhan dengan apa-apa objek luaran yang selain daripada air.
- Pemunggahan kargo dari kapal di pelabuhan yang berlaku kekecohan
- Gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat
- Pengorbanan purata am
- Pembuangan muatan bagi mengurangkan bebanan kapal
- Terjatuh ke laut akibat badai
- Caj purata am dan caj sisaaan
- Air dari laut, tasik atau sungai masuk ke dalam kapal pengangkut kontena, van pengangkat atau tempat penyimpanan
- Jumlah kerugian bagi mana-mana pakej kehilangan akibat terjatuh ke dalam air ketika dimuat naik atau dimuat turun dari kapal.

### c) Peraturan Fasal Kargo (C) 1.1.82/1.1.09

Polisi ini melindungi kehilangan atau kerosakan ke atas barang yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perkara-perkara yang dinyatakan dalam Peraturan Fasal Kargo (C):

- Kebakaran atau letupan
- Kapal terkandas, tersadai, tenggelam atau terbalik
- Kenderaan barang dari terbalik atau terbabas.
- Kapal atau kenderaan barang terlanggar atau bersentuhan dengan apa-apa objek luaran yang selain daripada air.
- Pemunggahan kargo dari kapal di pelabuhan yang berlaku kekecohan
- Pengorbanan purata am
- Pembuangan muatan bagi mengurangkan bebanan kapal
- Caj purata am dan caj sisaaan

### d) Anda boleh melanjutkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar kadar premium tambahan.

- Perang seperti yang termaktub dalam Peraturan Fasal Perang (Kargo)
- Mogok seperti yang termaktub dalam Peraturan Fasal Mogok (Kargo)

### e) Tempoh masa perlindungan

#### i) Peraturan Fasal Kargo 1.1.82

Perlindungan ini bermula apabila barang meninggalkan gudang atau di tempat penyimpanan dinamakan dalam polisi ini untuk memulakan transit, dalam perjalanan transit biasa dan berakhir sama ada :

- Apabila diserah kepada penerima konsainan atau tiba di gudang terakhir atau tempat penyimpanan di destinasi dinamakan dalam polisi ini
- Apabila diserah kepada mana-mana gudang atau tempat penyimpanan yang lain, sama ada sebelum atau pada destinasi dinamakan dalam polisi ini yang mana dipilih untuk diguna oleh Pihak Yang Diinsuranskan sama ada
- Untuk penyimpanan selain daripada perjalanan transit biasa atau
- Untuk pembahagian atau pengedaran
- Apabila tamatnya 60 hari selepas selesainya pemunggahan barang diinsuranskan dari kapal luar negeri yang tiba di pelabuhan pemunggahan terakhir.

Yang mana berlaku terlebih dahulu.

#### ii) Peraturan Fasal Kargo 1.1.09

Perlindungan ini bermula apabila barang buat pertama kali dipindah masuk ke dalam gudang atau di tempat penyimpanan dinamakan dalam polisi ini untuk tujuan dimuat naik dengan serta merta ke atas atau ke dalam kenderaan barang atau kenderaan lain untuk memulakan transit dan diteruskan dalam perjalanan transit biasa dan berakhir sama ada:

- Apabila selesainya pemunggahan dari kenderaan barang atau kenderaan lain di atau pada gudang terakhir atau tempat penyimpanan di destinasi dinamakan dalam polisi ini.
- Apabila selesainya pemunggahan dari kenderaan barang atau kenderaan lain di atau pada mana-mana gudang atau tempat penyimpanan yang lain, sama ada sebelum atau di destinasi dinamakan dalam polisi ini yang mana dipilih untuk diguna oleh Pihak Yang Diinsuranskan atau pekerja mereka sama ada untuk disimpan selain daripada dalam perjalanan transit biasa atau untuk pembahagian atau pengedaran atau
- Apabila Pihak Yang Diinsuranskan atau pekerja mereka memilih untuk menggunakan mana-mana kenderaan barang atau kenderaan lain bagi mana-mana kontena untuk penyimpanan selain daripada dalam perjalanan transit biasa atau
- Apabila tamatnya 60 hari selepas selesainya pemunggahan subjek berkenaan diinsuranskan dari kapal luar negeri yang tiba ke pelabuhan pemunggahan terakhir.

Yang mana berlaku terlebih dahulu.

Anda dikehendaki membeli insurans untuk setiap transit secara berasingan.

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada perlindungan, terma-terma dan syarat-syarat :

Perlindungan Insurans terpilih : ICC \_\_\_\_\_ (dd/mm/yy) Premium : RM \_\_\_\_\_

Jumlah diinsuranskan : RM \_\_\_\_\_ Perlindungan tambahan : RM \_\_\_\_\_

Kadar dikenakan : \_\_\_\_\_ % Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar ialah : RM\_\_\_\_\_

#### **4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?**

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 15% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

#### **5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

Kepentingan pendedahan (untuk pembelian Individu yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion)

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kepentingan pendedahan (untuk pembelian yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion)

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda harus memastikan barang anda diinsuranskan berdasarkan kos asas barang atau barang dagangan dicampur dengan perbelanjaan dan kos tambahan ke atas pengangkutan yang dipertanggungjawabkan anda, dan caj-caj insurans. Selain itu, anda dinasihatkan menyediakan invois yang lengkap dengan huraian mengenai barang dan nilai yang diinsuranskan.
- Sila memaklumkan pihak kami jika barang diinsuranskan adalah barang terpakai. Jika tidak, ia akan difahamkan bahawa barang diinsuranskan adalah baru.
- Anda dikehendaki memaklumkan pihak kami jika barang diinsuranskan diangkut di atas geladak dan bukannya dalam kontena. Jika tidak, ia akan difahamkan bahawa barang diinsuranskan diangkut dalam geladak.
- Jika barang diinsuranskan adalah barang kegunaan rumah tangga dan peribadi, anda dinasihatkan supaya menyediakan senarai inventori yang mengasingkan nilai dan jenis barang yang diinsuranskan.
- Lebihan (jika ada) adalah amaun yang harus anda tanggung sendiri jika barang anda hilang atau rosak : RM \_\_\_\_\_

#### **6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

- a) Peraturan Fasal Kargo (A), (B) atau (C) 1.1.82

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti berikut:

- Kehilangan, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh salah laku yang disengajakan oleh Pihak Yang Diinsuranskan
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan berpunca daripada keburukan sedia ada atau sifat subjek yang diinsuranskan.
- Kebocoran biasa, kehilangan berat atau jisim biasa atau kehausan dan keusangan biasa pada subjek yang diinsuranskan.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul dari ketaksolvenan atau keingkarana kewangan oleh pemilik pengurusan atau pengendali kapal.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul dari ketidaksesuaian kapal untuk belayar, ketidaklayakan kapal, kenderaan, kontena atau van pengangkat untuk mengangkut subjek diinsuranskan dengan selamatnya, di mana Pihak Yang Diinsuranskan atau orang gajinya telah merahsiakan ketidaklayakan untuk pelayaran atau pengangkutan sedemikian pada masa subjek diinsuranskan dimuat naik di tempat berkenaan.
- Pengunderait mengetepikan sebarang perlanggaran terhadap waranti tersirat tentang kesesuaian kapal untuk belayar dan mengangkut subjek diinsuranskan ke destinasi, melainkan Pihak Yang Diinsuranskan atau orang gaji mereka merahsiakan ketidaksesuaian untuk belayar dan mengangkut sedemikian.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan disebabkan oleh ketidakcukupan atau ketidaksesuaian pembungkusan atau persediaan pada subjek diinsuranskan (“pembungkusan adalah termasuk penyimpanan dalam kontena atau van pengangkat tetapi hanya apabila penyimpanan sedemikian dijalankan sebelum permulaan insurans ini oleh Pihak Yang Diinsuranskan dan orang gaji mereka”)
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh penangguhan, biarpun penangguhan tersebut berpunca daripada risiko yang diinsuranskan.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan timbul dari penggunaan mana-mana senjata atau peralatan perang yang menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau gabungannya atau lain-lain reaksi yang serupa atau kekuatan atau bahan radioaktif.
- Perang dan mogok (biasanya diterapkan berdasarkan Peraturan Fasal Perang & Mogok dengan tertakluk kepada premium tambahan).

## b) Peraturan Fasal Kargo (A), (B) atau (C) 1.1.09

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti berikut:

- Kehilangan, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh salah laku yang disengajakan oleh Pihak Yang Diinsuranskan.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan berpunca daripada keburukan sedia ada atau sifat subjek yang diinsuranskan.
- Kebocoran biasa, kehilangan berat atau jisim biasa atau kehausan dan keusangan biasa pada subjek yang diinsuranskan.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan berpunca daripada kemulisan atau kegagalan kewangan oleh pihak pemilik, pengurus, penyewa atau operator kapal di mana pada masa memuat naik subjek diinsuranskan ke dalam kapal, Pihak Yang Diinsuranskan sedar atau dalam perjalanan urusan perniagaan yang biasa harus sedar bahawa kemulisan atau kegagalan membayar hutang sedemikian mungkin menyekat perjalanan pelayaran. Pengecualian ini tidak akan diterapkan jika perjanjian insurans telah menetapkan bahawa pihak menuntut di bawah ini telah membeli atau bersetuju untuk membeli subjek diinsuranskan dengan jujur di bawah kewajiban perjanjian.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul dari:
  - i) Ketidaklayakan kapal untuk belayar atau ketidaksesuaian untuk mengangkut subjek diinsuranskan dengan selamatnya dan di mana Pihak Yang Diinsuranskan telah merahsiakan ketidaksesuaian sedemikian pada masa subjek diinsuranskan dimuat naik di tempat berkenaan.
  - ii) Ketidaksesuaian kontena atau kenderaan barang untuk mengangkut subjek diinsuranskan dengan selamatnya, di mana muatan di situ telah dijalankan sebelum permulaan insurans ini atau oleh Pihak Yang Diinsuranskan atau pekerja mereka dan mereka merahsiakan ketidaksesuaian sedemikian pada masa dimuat naik.

Pengecualian (i) tidak akan diterapkan jika perjanjian insurans telah menetapkan bahawa pihak menuntut di bawah ini telah membeli atau bersetuju untuk membeli subjek diinsuranskan dengan jujur di bawah kewajiban perjanjian.

- Syarikat Insurans mengetepikan sebarang perlanggaran terhadap waranti tersirat tentang kesesuaian kapal untuk belayar dan mengangkut subjek diinsuranskan ke destinasi.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan berpunca daripada ketidakcukupan atau ketidaksesuaian pembungkusan atau persediaan bagi subjek diinsuranskan agar dapat menahan kejadian biasa dalam transit yang diinsuranskan, di mana pembungkusan atau persediaan sedemikian diambil oleh Pihak Yang Diinsuranskan atau pekerjanya atau sebelum pelampiran insurans ini ("pembungkusan adalah termasuk penyimpanan dalam kontena dan "pekerja" tidak termasuk kontraktor bebas)
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh penangguhan, biarpun penangguhan tersebut berpunca daripada risiko yang diinsuranskan.
- Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul dari penggunaan mana-mana senjata atau peralatan yang menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/ atau gabungannya atau lain-lain reaksi yang serupa atau kekuatan bahan radioaktif.
- Perang dan mogok (biasanya diterapkan berdasarkan Peraturan Fasal Perang & Mogok dengan tertakluk kepada premium tambahan).

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Syarat-syarat pembatalan tidak disediakan dalam polisi ini.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberikan maklumat anda yang terkini melalui ejen kami yang diberikuasa, cawangan atau perkhidmatan pelanggan kami.

## 9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan produk tersebut di atas atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

## 10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Marin yang disediakan

- Polisi Insurans Barang Dalam Transit (Polisi tahunan)

### NOTA PENTING

Anda harus memastikan bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami untuk keterangan lanjut. Sekiranya ada pertikaian dan percanggahan mengenai Terma-terma dan Syarat-syarat ini di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024